



29 September 2017
29 September 2017
P.U. (A) 291

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK
(TEMPAT SELAMAT) 2017

CHILD (PLACE OF SAFETY) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KANAK-KANAK 2001

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (TEMPAT SELAMAT) 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA PELAWAT

3. Kewajipan dan fungsi Lembaga Pelawat
4. Kuasa Lembaga Pelawat
5. Keanggotaan Lembaga Pelawat
6. Tempoh jawatan
7. Elaun
8. Pembatalan dan peletakan jawatan
9. Mesyuarat dan tatacara Lembaga Pelawat
10. Jawatankuasa
11. Mesyuarat dan tatacara jawatankuasa
12. Pengosongan jawatan

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN TEMPAT SELAMAT

13. Kewajipan Ketua Pengarah
14. Kewajipan Pengetua

15. Ketidakhadiran Pengetua

BAHAGIAN IV

PENGHUNI

16. Kemasukan
17. Jagaan barang peribadi penghuni
18. Kewajipan penghuni
19. Kesihatan penghuni
20. Pendidikan, kemahiran, dsb.
21. Jadual waktu aktiviti harian
22. Aktiviti harian atau program

BAHAGIAN V

KEISTIMEWAAN

23. Wang saku
24. Hadiah, derma dan pendapatan
25. Pekerjaan
26. Rekreasi
27. Cuti
28. Komunikasi dengan keluarga
29. Lawatan
30. Ganjaran untuk penghuni

BAHAGIAN VI

PEMELIHARAAN PENGHUNI

31. Katil, pakaian, dsb.
32. Makanan dan diet
33. Kemudahan bagi pematuhan agama

BAHAGIAN VII

DISIPLIN

34. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Disiplin dan Intervensi
35. Perbuatan keganasan
36. Bahan larangan
37. Meninggalkan tempat selamat tanpa kebenaran atau lepas lari
38. Pelanggaran disiplin
39. Hukuman

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

40. Pelepasan penghuni
41. Rekod
42. Kecualian
43. Pembatalan

AKTA KANAK-KANAK 2001

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (TEMPAT SELAMAT) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 dan 128 Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Penasihat Disiplin dan Intervensi yang ditubuhkan di bawah peraturan 34;

“kakitangan” ertinya mana-mana kakitangan suatu tempat selamat;

“pegawai pergigian” ertinya pengamal pergigian berdaftar yang dalam perkhidmatan Kerajaan;

“Pengarah” ertinya Pengarah Bahagian Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Pelawat yang dilantik di bawah peraturan 5;

“Pengetua” ertinya Pengetua suatu tempat selamat;

“penghuni” ertinya mana-mana kanak-kanak yang diletakkan di suatu tempat selamat.

BAHAGIAN II LEMBAGA PELAWAT

Kewajipan dan fungsi Lembaga Pelawat

3. Kewajipan dan fungsi Lembaga Pelawat adalah seperti yang berikut:

- (a)* untuk mengawasi perkembangan keseluruhan dan kesejahteraan penghuni, dan membuat syor kepada Ketua Pengarah, Pengarah Negeri, Pengarah atau Pengetua tentang penambahbaikan bagi perkembangan keseluruhan dan kesejahteraan penghuni;
- (b)* untuk mengawasi pentadbiran tempat selamat dan membuat syor kepada Ketua Pengarah, Pengarah Negeri, Pengarah atau Pengetua tentang penambahbaikan pentadbiran tempat selamat bagi memastikan tujuan tempat selamat tercapai;
- (c)* untuk mengadakan dana bagi aktiviti, latihan atau program yang dijalankan oleh tempat selamat;
- (d)* untuk menganjurkan aktiviti atau program untuk meningkatkan perkembangan fizikal, kognitif, mental dan psikososial penghuni;
- (e)* untuk menasihati Pengetua bagi memastikan persekitaran tempat selamat adalah selamat, bersih dan sesuai bagi penghuni;
- (f)* untuk menasihati Ketua Pengarah tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan perkembangan penghuni;

- (g)* untuk memaklumkan kepada Ketua Pengarah tentang apa-apa kelemahan dalam program pemeliharaan dan perlindungan atau mana-mana program lain yang dijalankan di tempat selamat;
- (h)* untuk melawat tempat selamat sekurang-kurangnya sebulan sekali; dan
- (i)* untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

Kuasa Lembaga Pelawat

4. (1) Lembaga Pelawat hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipan dan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (1), kuasa Lembaga Pelawat hendaklah termasuk yang berikut:

- (a)* untuk menjalankan pemeriksaan di tempat selamat untuk memastikan bahawa kesihatan, kebajikan dan perkembangan penghuni dijaga;
- (b)* untuk membuat apa-apa perundingan, perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana orang yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pelawat dalam melaksanakan kewajipan dan fungsinya; dan
- (c)* untuk mendapatkan nasihat daripada mana-mana institusi, organisasi, syarikat atau individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sepatutnya bagi maksud menganjurkan apa-apa aktiviti, latihan atau program di tempat selamat.

Keanggotaan Lembaga Pelawat

5. (1) Lembaga Pelawat hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tujuh orang anggota dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota.

(2) Anggota Lembaga Pelawat hendaklah sekurang-kurangnya tiga orang perempuan dan tiga orang lelaki.

(3) Menteri hendaklah melantik seorang Pengerusi Lembaga Pelawat dalam kalangan anggota Lembaga Pelawat.

(4) Bagi maksud keanggotaan Lembaga Pelawat, orang yang berikut tidak boleh menjadi anggota Lembaga Pelawat:

(a) mana-mana kakitangan dan suami atau isterinya; dan

(b) mana-mana kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan suami atau isterinya.

Tempoh jawatan

6. (1) Seseorang anggota Lembaga Pelawat hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan semula yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) tempoh pelantikan semula itu tidak boleh melebihi dua penggal berturut-turut; dan

(b) umur anggota itu tidak boleh melebihi tujuh puluh tahun.

(3) Walau apa pun perenggan (2)(b), mana-mana anggota Lembaga Pelawat boleh dilantik semula jika difikirkan oleh Menteri bahawa anggota itu mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan perkembangan, kebajikan dan kesihatan penghuni.

Elaun

7. Anggota Lembaga Pelawat boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan dan peletakan jawatan

8. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga Pelawat.

(2) Mana-mana anggota Lembaga Pelawat boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis bertulis satu bulan kepada Menteri.

Mesyuarat dan tatacara Lembaga Pelawat

9. (1) Lembaga Pelawat hendaklah mengadakan mesyuaratnya tidak kurang daripada enam kali setahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Semua mesyuarat Lembaga Pelawat hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau, semasa ketiadaan Pengerusi, mana-mana anggota Lembaga Pelawat.

(3) Lembaga Pelawat boleh mengundang mana-mana pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat atau mana-mana orang yang mempunyai kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya, dan pegawai atau orang itu boleh mengambil bahagian dalam perbincangan semasa mesyuarat itu tetapi tidak berhak untuk mengundi.

(4) Kuorum bagi mesyuarat Lembaga Pelawat ialah majoriti mudah daripada jumlah bilangan anggotanya.

(5) Keputusan Lembaga Pelawat hendaklah diterima pakai melalui undi majoriti mudah anggota yang hadir dan mengundi, dan dalam hal bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau mana-mana anggota yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Lembaga Pelawat hendaklah menyebabkan supaya—

(a) minit mesyuaratnya disimpan dan disenggarakan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit mesyuaratnya dikemukakan kepada Ketua Pengarah, Pengarah Negeri dan Pengarah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Jawatankuasa

10. (1) Lembaga Pelawat boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Lembaga Pelawat untuk membantu Lembaga Pelawat melaksanakan kewajipan dan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

(2) Lembaga Pelawat boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1).

(3) Lembaga Pelawat hendaklah menentukan kewajipan dan fungsi tiap-tiap jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1) dan tiap-tiap jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah dipengerusikan oleh seorang anggota Lembaga Pelawat.

Mesyuarat dan tatacara jawatankuasa

11. (1) Mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 10 hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(2) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 10 hendaklah menyebabkan supaya—

(a) minit mesyuaratnya disimpan dan disenggarakan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

- (b) salinan minit mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga Pelawat dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Pengosongan jawatan

12. Jawatan seseorang anggota Lembaga Pelawat atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 10 hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
- (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) mana-mana kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (d) dia menjadi bankrap;
- (e) berkenaan dengan anggota Lembaga Pelawat, dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga Pelawat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, dan berkenaan dengan anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 10, dia tidak menghadiri mesyuarat

jawatankuasa itu tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran pengerusi jawatankuasa itu;

(f) berkenaan dengan anggota Lembaga Pelawat, pelantikannya dibatalkan oleh Menteri, dan berkenaan dengan anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 10, pelantikannya dibatalkan oleh Lembaga Pelawat; atau

(g) dia meletakkan jawatan.

BAHAGIAN III PENTADBIRAN TEMPAT SELAMAT

Kewajipan Ketua Pengarah

13. (1) Kewajipan Ketua Pengarah adalah seperti yang berikut:

(a) untuk melawat dan memeriksa tempat selamat sekurang-kurangnya empat kali setahun;

(b) untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada semua perkara dan syor yang dibawa ke hadapannya oleh Lembaga Pelawat di bawah peraturan 3; dan

(c) untuk menentukan bilangan penghuni yang hendak dimasukkan ke suatu tempat selamat.

(2) Bilangan penghuni di suatu tempat selamat tidak boleh melebihi bilangan penghuni sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan (1)(c) melainkan jika kelulusan Ketua Pengarah diperoleh terlebih dahulu.

Kewajipan Pengetua

14. (1) Kewajipan Pengetua adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menguruskan tempat selamat;
- (b) untuk menggalakkan perkembangan, kebajikan dan kesihatan penghuni;
- (c) untuk memastikan bahawa persekitaran tempat selamat adalah selamat, bersih dan sesuai bagi penghuni;
- (d) untuk mengadakan program pemeliharaan dan perlindungan untuk penghuni termasuklah pendidikan, kemahiran hidup dan latihan vokasional;
- (e) untuk mengawasi kelakuan dan disiplin penghuni;
- (f) untuk menentukan kewajipan kakitangan dan mengawasi pelaksanaan kewajipan itu; dan
- (g) untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), Pengetua hendaklah memastikan bahawa garis panduan keselamatan yang berhubungan dengan pencegahan kebakaran, bencana alam atau hal keadaan kecemasan yang disediakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dipatuhi.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(e), jika mana-mana penghuni meninggalkan tempat selamat tanpa kelulusan bertulis Pengetua terlebih dahulu atau lepas lari dari tempat selamat, Pengetua hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam selepas mengetahui hakikat itu, melaporkan perkara itu kepada—

- (a)* Ketua Pengarah;
- (b)* Pelindung bagi kawasan di mana penghuni itu tinggal; atau
- (c)* ibu atau bapa, penjaga atau saudara penghuni itu.

(4) Dalam menjalankan kewajipan yang disebut dalam subperaturan (1), Pengetua hendaklah menyediakan suatu laporan bulanan bagi tempat selamat yang hendaklah termasuk perkara yang berikut:

- (a)* kemasukan dan pelepasan penghuni;
- (b)* cuti yang diberikan kepada penghuni;
- (c)* penghuni yang telah meninggalkan tempat selamat tanpa kelulusan terlebih dahulu atau telah lepas lari dari tempat selamat;
- (d)* aktiviti keagamaan dan bukan keagamaan;
- (e)* keadaan kesihatan penghuni;
- (f)* kematian penghuni, jika ada;
- (g)* derma atau hadiah yang diterima oleh tempat selamat;
- (h)* kelemahan yang berhubungan dengan pentadbiran tempat selamat; dan
- (i)* aktiviti atau program yang dianjurkan oleh Lembaga Pelawat.

- (5) Laporan bulanan yang disebut dalam subperaturan (4) hendaklah—
- (a) dibentangkan oleh Pengetua kepada Lembaga Pelawat dalam mesyuaratnya; dan
 - (b) dikemukakan oleh Pengetua kepada Ketua Pengarah, Pengarah Negeri dan Pengarah tidak lewat daripada hari kesepuluh bulan berikutnya.

Ketidakhadiran Pengetua

15. Jika Pengetua tidak hadir di tempat selamat lebih daripada dua puluh empat jam, dia hendaklah—

- (a) mendapatkan suatu kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah Negeri; dan
- (b) melantik mana-mana kakitangan yang kanan dan berpengalaman secara bertulis untuk menjalankan kewajipannya semasa tempoh ketiadaannya.

BAHAGIAN IV

PENGHUNI

Kemasukan

16. (1) Apabila seseorang penghuni dimasukkan ke tempat selamat, suatu pemeriksaan badan hendaklah dijalankan ke atas penghuni oleh sekurang-kurangnya dua orang kakitangan yang sama jantina dengan penghuni itu.

(2) Jika apa-apa parut atau kecederaan dijumpai pada badan penghuni dalam pemeriksaan yang dijalankan di bawah subperaturan (1), gambar parut atau kecederaan itu hendaklah diambil dan apa-apa butir-butir yang berhubungan dengan parut atau kecederaan itu hendaklah direkodkan oleh kakitangan dalam fail peribadi penghuni itu.

(3) Jika apa-apa bahan larangan dijumpai dalam pemeriksaan yang dijalankan di bawah subperaturan (1), bahan larangan itu hendaklah dirampas oleh Pengetua dan dia hendaklah menyebabkan rampasan itu direkodkan dalam fail peribadi penghuni itu.

Jagaan barang peribadi penghuni

17. (1) Apabila seseorang penghuni dimasukkan ke tempat selamat, apa-apa barang peribadi penghuni itu hendaklah diletakkan dalam jagaan Pengetua.

(2) Suatu inventori bagi barang peribadi penghuni yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah—

(a) disediakan oleh seorang kakitangan; dan

(b) ditentukan oleh penghuni itu dan disaksikan oleh seorang kakitangan.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b), jika inventori bagi barang peribadi penghuni tidak dapat ditentukan oleh penghuni itu disebabkan umur penghuni itu, inventori itu hendaklah ditentukan oleh Pelindung dan disaksikan oleh seorang kakitangan.

Kewajipan penghuni

18. Tiap-tiap penghuni tempat selamat hendaklah—

(a) mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengetua dari semasa ke semasa;

(b) menghadiri apa-apa aktiviti, latihan atau program yang dijalankan oleh tempat selamat itu; dan

(c) mengekalkan kelakuan baik sepanjang tempoh peletakan di tempat selamat itu.

Kesihatan penghuni

19. (1) Seseorang penghuni hendaklah menjalani suatu pemeriksaan kesihatan atau pergigian oleh pegawai perubatan atau pegawai pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari semasa ke semasa.

(2) Jika pegawai perubatan atau pegawai pergigian berpendapat bahawa penghuni itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan atau pergigian lanjutan di hospital, Pengetua hendaklah membuat perkiraan bagi penghuni itu untuk mendapat pemeriksaan atau rawatan lanjut di hospital.

(3) Jika penghuni dimasukkan ke hospital, penghuni itu hendaklah disifatkan sebagai berada di bawah jagaan Pengetua semasa tempoh kemasukan ke hospital itu.

Pendidikan, kemahiran, dsb.

20. (1) Bagi maksud perkembangan penghuni, Pengetua hendaklah menyebabkan supaya mana-mana orang menyediakan untuk penghuni itu perkara yang berikut:

- (a) pendidikan awal kanak-kanak, atau pendidikan rendah atau menengah;
- (b) latihan teknikal atau vokasional;
- (c) latihan kemahiran hidup; atau
- (d) program pembangunan moral dan rohani.

(2) Bagi maksud menyediakan pendidikan awal kanak-kanak, atau pendidikan rendah atau menengah kepada penghuni di bawah perenggan (1)(a), Pengetua hendaklah menyediakan yang berikut:

- (a) kelas khas atau tuisyen;
- (b) kemudahan pusat sumber;

(c) pengangkutan; dan

(d) apa-apa perkiraan lain yang perlu.

(3) Bagi maksud menyediakan latihan teknikal atau vokasional, atau latihan kemahiran hidup di bawah perenggan (1)(b) atau (c), mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengetua hendaklah—

(a) mengambil kira keupayaan dan kebolehan penghuni; dan

(b) berunding dengan ibu atau bapa atau penjaga penghuni.

(4) Bagi maksud menyediakan program pembangunan moral dan rohani di bawah perenggan (1)(d), Pengetua hendaklah memastikan supaya penghuni—

(a) menyertai apa-apa aktiviti atau program mengikut kepercayaan agama penghuni itu;

(b) menyertai apa-apa program sukan atau rekreasi;

(c) menjalani apa-apa sesi kaunseling; dan

(d) menyertai apa-apa aktiviti atau program lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengetua.

(5) Mana-mana orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan, latihan atau program yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah menyediakan laporan kemajuan bagi setiap penghuni yang menjalani pendidikan, latihan atau program itu dan mengemukakan laporan itu kepada Pengetua.

(6) Pengetua hendaklah memastikan laporan kemajuan itu disimpan di dalam fail peribadi penghuni.

Jadual waktu aktiviti harian

21. (1) Pengetua hendaklah menyediakan suatu jadual waktu aktiviti harian tempat selamat, termasuklah waktu bangun dan tidur, belajar, ulang kaji, latihan teknikal atau vokasional, kerja domestik, rekreasi, dan aktiviti dalam dan luar, dengan kelulusan Ketua Pengarah.

(2) Suatu salinan jadual waktu aktiviti harian hendaklah ditampalkan pada papan notis utama, dan di dewan makan dan pejabat, tempat selamat itu.

(3) Apa-apa perubahan besar yang dibuat kepada jadual waktu aktiviti harian itu hendaklah dimasukkan ke dalam buku log dan suatu pemberitahuan bertulis mengenai perubahan itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dengan segera.

Aktiviti harian atau program

22. (1) Apa-apa aktiviti harian atau program, termasuklah aktiviti luar dan program komuniti, yang dijalankan oleh tempat selamat—

(a) hendaklah diawasi oleh kakitangan;

(b) hendaklah bersesuaian dengan umur dan keupayaan penghuni dan hendaklah memberikan peluang bagi perkembangan mereka; dan

(c) hendaklah termasuk tempoh bagi aktiviti dalam dan luar dan tempoh bagi rehat yang tidak diganggu.

(2) Kakitangan hendaklah merekodkan kehadiran setiap penghuni ke aktiviti harian atau program dan ketidakhadirannya daripada aktiviti harian atau program itu dalam suatu daftar.

BAHAGIAN V
KEISTIMEWAAN

Wang saku

23. Pengetua boleh memberi tiap-tiap penghuni wang saku secara tunai bagi amaun sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

Hadiah, derma dan pendapatan

24. Pengetua hendaklah membenarkan tiap-tiap penghuni untuk menyimpan—

(a) apa-apa hadiah; atau

(b) apa-apa derma, dan pendapatan yang diperoleh daripada apa-apa aktiviti, latihan atau program yang diluluskan, dalam suatu akaun simpanan yang dibuka untuk penghuni itu,

tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

Pekerjaan

25. (1) Tiap-tiap penghuni boleh diambil bekerja oleh tempat selamat atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), tiada penghuni boleh diambil bekerja dengan sebegitu rupa sehingga menyebabkan dia tidak mendapat masa untuk berekreasi dan masa lapang.

Rekreasi

26. Pengetua hendaklah menggalakkan semua penghuni untuk menyertai apa-apa aktiviti atau program rekreasi yang termasuklah permainan yang diaturkan, aktiviti sosial, rombongan sosial atau lawatan sosial di luar tempat selamat.

Cuti

27. (1) Tiap-tiap penghuni berhak kepada cuti tiga puluh hari dalam setahun tertakluk kepada kelulusan Pengetua.

(2) Cuti yang disebut dalam subperaturan (1) tidak boleh diberikan kepada penghuni—

(a) dalam masa enam bulan pertama peletakan di tempat selamat kecuali disebabkan berlakunya apa-apa hal keadaan luar biasa dan dengan kelulusan Pengetua; atau

(b) melebihi tiga puluh hari kecuali disebabkan berlakunya apa-apa hal keadaan luar biasa dan dengan kelulusan Pengarah Negeri.

Komunikasi dengan keluarga

28. (1) Tiap-tiap penghuni hendaklah digalakkan untuk berkomunikasi dengan ibu atau bapa, penjaga, saudara atau kawannya sekurang-kurangnya sebulan sekali melalui apa-apa cara komunikasi yang disediakan oleh Pengetua.

(2) Cara komunikasi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diawasi oleh Pengetua.

(3) Jika penghuni menerima suatu surat atau bungkusan daripada mana-mana orang, Pengetua boleh memeriksa surat atau bungkusan yang diterima oleh penghuni itu dan boleh mengimpaun surat atau bungkusan itu jika kandungannya, pada pendapat Pengetua, tidak diingini.

Lawatan

29. (1) Tiap-tiap penghuni hendaklah dibenarkan untuk menerima lawatan daripada ibu atau bapa, penjaga, saudara atau kawannya melainkan jika lawatan itu, pada pendapat Pengetua, tidak diingini.

(2) Lawatan terhadap penghuni hendaklah di bawah pengawasan dan dengan kehadiran mana-mana kakitangan.

Ganjaran untuk penghuni

30. Pengetua boleh memberikan ganjaran kepada penghuni yang telah mencapai gred yang dikehendaki atau berkelakuan cemerlang dengan ganjaran yang berikut:

- (a) cuti tambahan;
- (b) pelantikan sebagai pengawas atau timbalan pengawas tempat selamat;
- (c) wang saku tambahan;
- (d) hadiah; atau
- (e) sambutan majlis khas.

BAHAGIAN VI
PEMELIHARAAN PENGHUNI

Katil, pakaian, dsb.

31. (1) Pengetua hendaklah menyediakan untuk tiap-tiap penghuni—

- (a) suatu katil termasuk tilam, bantal, cadar, sarung bantal dan selimut;
- (b) kemudahan bilik air yang sesuai; dan
- (c) pakaian.

(2) Katil, kemudahan bilik air dan pakaian yang disediakan di bawah subperaturan (1) hendaklah mencukupi dan sesuai dengan keperluan penghuni.

(3) Sebagai tambahan kepada katil, kemudahan bilik air dan pakaian yang disebut dalam subperaturan (1), Pengetua boleh menyediakan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Makanan dan diet

32. (1) Pengetua hendaklah menyediakan untuk tiap-tiap penghuni makanan yang mencukupi berdasarkan suatu skala diet yang disyorkan oleh pakar diet atau pegawai perubatan, dan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Skala diet hendaklah termasuk suatu menu yang sesuai dengan umur dan kesihatan setiap penghuni.

(3) Pengetua hendaklah memastikan—

- (a) mana-mana penghuni yang telah disyorkan makanan diet khas oleh pakar diet atau pegawai perubatan dibekalkan dengan makanan yang disyorkan itu;
- (b) perkiraan yang sepatutnya dibuat bagi menyediakan, memasak dan menghidang makanan mengikut agama, kepercayaan atau adat penghuni itu;
- (c) kebersihan makanan semasa penyediaan dan semasa dihidangkan; dan
- (d) penghuni dididik untuk beradab dan berkelakuan baik sewaktu makan.

(4) Suatu salinan skala diet dan menu hendaklah ditampalkan di dapur, dewan makan dan pejabat tempat selamat itu.

Kemudahan bagi pematuhan agama

33. Pengetua hendaklah memastikan bahawa—

(a) ajaran agama dipatuhi oleh penghuni; dan

(b) kemudahan bagi pematuhan agama disediakan untuk penghuni,

mengikut agama penghuni itu.

BAHAGIAN VII

DISIPLIN

Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Disiplin dan Intervensi

34. (1) Ketua Pengarah hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat Disiplin dan Intervensi yang hendaklah terdiri daripada—

(a) Pengetua;

(b) seorang pegawai psikologi;

(c) tiga orang kakitangan;

(d) dua orang wakil dalam kalangan penghuni; dan

(e) mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pengetua.

(2) Jawatankuasa hendaklah mendengar apa-apa prosiding disiplin yang dibawa di hadapannya dan memutuskan apa-apa tindakan yang sesuai untuk diambil berhubung dengan pelanggaran disiplin oleh mana-mana penghuni di bawah peraturan 35, 36 atau 37.

Perbuatan keganasan

35. Seseorang penghuni tidak boleh melakukan apa-apa bentuk keganasan terhadap mana-mana orang atau harta.

Bahan larangan

36. (1) Seseorang penghuni tidak boleh memiliki, membekalkan, mengambil, menghisap atau menggunakan—

- (a) apa-apa bentuk dadah;
- (b) apa-apa bentuk rokok;
- (c) apa-apa bentuk bahan beracun;
- (d) apa-apa alkohol atau bahan yang memabukkan;
- (e) apa-apa objek tajam; atau
- (f) apa-apa objek atau bahan lain yang memudaratkan,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(e), penghuni boleh dibenarkan untuk menggunakan suatu objek tajam di bawah pengawasan kakitangan bagi maksud latihan teknikal atau vokasional atau latihan kemahiran hidup.

Meninggalkan tempat selamat tanpa kebenaran atau lepas lari

37. Tiap-tiap penghuni tidak boleh—

- (a) meninggalkan tempat selamat tanpa kelulusan bertulis Pengetua terlebih dahulu atau, semasa ketiadaan Pengetua, mana-mana kakitangan yang kanan dan berpengalaman yang dilantik oleh Pengetua; atau
- (b) lepas lari dari tempat selamat.

Pelanggaran disiplin

38. Mana-mana penghuni yang melanggar disiplin di bawah peraturan 35, 36 atau 37 hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa.

Hukuman

39. (1) Jika Jawatankuasa berpuas hati bahawa seseorang penghuni telah melanggar disiplin di bawah peraturan 35, 36 atau 37, Jawatankuasa boleh mengenakan hukuman yang berikut:

- (a) penggantungan apa-apa keistimewaan yang diberikan di bawah Bahagian V; atau
- (b) kerja tambahan untuk penghuni itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), kerja tambahan yang dikenakan ke atas seseorang penghuni—

- (a) tidak boleh memudaratkan kesihatan penghuni itu; dan
- (b) hendaklah bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(3) Pengetua hendaklah merekodkan apa-apa hukuman yang dikenakan di bawah subperaturan (1) di dalam buku hukuman.

BAHAGIAN VIII
PELBAGAI

Pelepasan penghuni

40. Apabila penghuni dilepaskan dari tempat selamat, Pengetua hendaklah memastikan bahawa penghuni itu dikembalikan kepada ibu atau bapa atau penjaganya bersama-sama dengan dokumen dan barang peribadi penghuni itu.

Rekod

41. (1) Pengetua hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod yang berikut:

- (a) suatu daftar kemasukan penghuni yang hendaklah mengandungi—
 - (i) nama dan alamat rumah tiap-tiap penghuni, jika ada;
 - (ii) nama, alamat rumah dan nombor perhubungan ibu atau bapa, penjaga atau saudara tiap-tiap penghuni, jika ada;
 - (iii) butir-butir kesihatan tiap-tiap penghuni;
 - (iv) apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan tiap-tiap penghuni;
 - (v) maklumat mengenai barang peribadi tiap-tiap penghuni; dan
 - (vi) apa-apa dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) suatu daftar kehadiran harian tiap-tiap penghuni;
- (c) suatu rekod mengenai semua prosiding Jawatankuasa yang hendaklah termasuk butir-butir yang terperinci mengenai prosiding itu;

- (d) suatu daftar pelanggaran disiplin oleh penghuni dan hukuman yang dikenakan;
- (e) suatu fail peribadi tiap-tiap penghuni yang hendaklah mengandungi—

 - (i) rekod kesihatan penghuni itu;
 - (ii) sejarah kes penghuni itu;
 - (iii) gambar penghuni itu; dan
 - (iv) rekod sesi kaunseling penghuni itu, jika ada;
- (f) suatu rekod inventori mengenai semua barang yang dibeli oleh Lembaga Pelawat bagi kegunaan tempat selamat;
- (g) suatu rekod mengenai apa-apa transaksi perniagaan yang berhubungan dengan aktiviti dan program yang menguntungkan yang dijalankan oleh tempat selamat;
- (h) suatu rekod mengenai apa-apa wang yang diterima oleh penghuni;
- (i) suatu rekod mengenai semua latihan kebakaran dan pemindahan yang dilaksanakan di tempat selamat;
- (j) suatu rekod mengenai apa-apa bencana alam yang berlaku di tempat selamat; dan
- (k) apa-apa rekod lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Semua rekod yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah atau wakilnya.

Kecualian

42. (1) Anggota Lembaga Pelawat yang sedia ada yang dilantik oleh Menteri di bawah peraturan 3, dan anggota jawatankuasa yang sedia ada yang dilantik oleh Lembaga Pelawat di bawah peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007 [*P.U. (A) 368/2007*], yang disebut “Peraturan-Peraturan yang dibatalkan” di bawah peraturan ini, hendaklah disifatkan telah dilantik dengan sewajarnya di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus memegang jawatan sehingga pelantikan itu dibatalkan atau dikosongkan, atau sehingga habis tempoh pelantikan mereka.

(2) Mana-mana tindakan disiplin yang diambil di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang masih belum selesai sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus sah dan hendaklah diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan seolah-olah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan itu tidak dibatalkan.

Pembatalan

43. Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007 [*P.U. (A) 368/2007*] dibatalkan.

Dibuat 28 September 2017

[KPWKM.PUU.(R).600-1/1/1(Jld3); PN(PU2)612/XVII]

DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

CHILD ACT 2001

CHILD (PLACE OF SAFETY) REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

BOARD OF VISITORS

3. Duties and functions of Board of Visitors
4. Powers of Board of Visitors
5. Membership of Board of Visitors
6. Tenure of office
7. Allowances
8. Revocation and resignation
9. Meetings and procedures of Board of Visitors
10. Committee
11. Meetings and procedures of committee
12. Vacation of office

PART III
ADMINISTRATION OF PLACE OF SAFETY

13. Duties of Director General
14. Duties of Principal
15. Absence of Principal

PART IV
INMATES

16. Admission
17. Custody of inmate's personal belonging
18. Duties of inmates
19. Health of inmates
20. Education, skills, etc.
21. Timetable of daily activities
22. Daily activities or programmes

PART V
PRIVILEGES

23. Pocket money
